

12 APR 2002

SULTAN KELANTAN DAN DR MAHATHIR SOLAT JUMAAT DI MASJID KUBANG KERIAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Sultan Kelantan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat bersama-sama kira-kira 10,000 umat Islam di Masjid Kubang Kerian, di sini, hari ini.

Turut menunaikan solat berkenaan ialah Tengku Mahkota Kelantan, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamad dan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini.

Sebaik selesai solat, orang ramai mengambil kesempatan untuk bersalaman dengan Sultan Kelantan dan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

WM BD NAK